




JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

NOTIS KEPUTUSAN TAWARAN SEBUT HARGA KENDERAAN LUCUTHAK KASTAM NEGERI PERAK BIL. 2/2025

1. Jawatankuasa Sebut Harga Negeri Perak telah bersidang untuk membuat penilaian dan keputusan kepada Sebut Harga Kenderaan Lucuthak Kastam Bil. 2/2025. Tujuan mesyuarat adalah seperti berikut:
 - a. Memutuskan penyebut harga-penyebut harga yang berjaya; dan
 - b. Menentukan kedudukan ke atas lot-lot kenderaan yang tidak mendapat sebarang tawaran.
2. Perakuan dan keputusan bagi penyebut harga-penyebut harga yang berjaya adalah seperti di **Lampiran A**.
3. Syarat-syarat tawaran kepada penyebut harga-penyebut harga yang berjaya adalah seperti berikut:
 - a. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki membuat pembayaran sepenuhnya dalam tempoh 7 (tujuh) hari bermula dari tarikh notis pemakluman berjaya dalam tawaran untuk Sebut Harga Kenderaan Lucuthak Kastam Bil. 2/2025 yang dikeluarkan oleh JKDM Negeri Perak.
 - b. Deposit sebut harga tidak akan dikembalikan jika penyebut harga yang berjaya gagal membuat pembayaran sepenuhnya atau menarik semula tawarannya dalam tempoh yang telah ditetapkan;

- c. Bagi lot-lot yang terdapat penyebut harga pertama berjaya, kedua berjaya dan ketiga berjaya, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penyebut harga kedua berjaya jika penyebut harga pertama berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan. Seterusnya, jika penyebut harga kedua berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penyebut harga ketiga berjaya;
- d. Bagi lot-lot yang terdapat penyebut harga berjaya pertama dan kedua berjaya, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penyebut harga kedua berjaya jika penyebut harga pertama berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan;
- e. Bagi lot-lot yang terdapat satu penyebut harga berjaya sahaja, lot-lot kenderaan berkenaan hendaklah disebut harga semula jika penyebut harga yang berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan.
- f. Kenderaan yang ditawarkan hendaklah diambil dan dikeluarkan dari stor / kawasan Kastam tidak lewat 7 (tujuh) hari daripada tarikh pembayaran penuh dijelaskan; dan
- g. Penyebut harga yang berjaya tidak dibenarkan membuat kerja-kerja servis atau pembaikan kenderaan berkenaan di dalam stor / kawasan Kastam

Sekian, terima kasih.


(MOHD NADZRI BIN ARIFFIN)
Pengarah Kastam Negeri
Perak
13/6/25

LAMPIRAN A

KEPUTUSAN

SEBUTHARGA KENDERAAN LUCUTHAK KASTAM YANG TERPAKAI / SKRAP & TIDAK BOLEH DIDAFTARKAN NEGERI PERAK BIL.2/2025

LOT	KENDERAAN YANG DITAWARKAN / NO. PENDAFTARAN	HARGA SIMPANAN	STOR/ TEMPAT SIMPAN	NO. SIRI PENENDER	HARGA TAWARAN	KEPUTUSAN
1	MOTOSIKAL ELEKTRIK	218.70	STOR PENGUATKUASAAN LUMUT	-	-	TIADA PEMBIDA
	MOTOSIKAL ELEKTRIK					
	PROTON SAGA WCH 9516					
2	TOYOTA COROLLA SGX 7016 A	300.00	STOR PENGUATKUASAAN LUMUT	2/1/1	3,950.00	V.SUBRAMANIAM MOTOR VEHICLES SDN. BHD.
3	ISWARA 1.3 AEROBACK PHG 8013	100.00	STOR PENGUATKUASAAN PENGKALAN HULU	3/1/1	650.00	V.SUBRAMANIAM MOTOR VEHICLES SDN. BHD.
4	NISSAN VANETTE ACF 6902	100.00	STOR PENGUATKUASAAN PENGKALAN HULU	4/1/1	1,800.00	V.SUBRAMANIAM MOTOR VEHICLES SDN. BHD.
5	PROTON WIRA WKL 8352	100.00	STOR PENGUATKUASAAN PENGKALAN HULU	5/1/1	1,000.00	V.SUBRAMANIAM MOTOR VEHICLES SDN. BHD.
6	PROTON WIRA AEROBACK CBA 4273	100.00	STOR PENGUATKUASAAN TELUK INTAN	-	-	TIADA PEMBIDA
7	NISSAN VANETTE	300.00	STOR PENGUATKUASAAN TELUK INTAN	7/1/1	1,800.00	V.SUBRAMANIAM MOTOR VEHICLES SDN. BHD.